



• Untuk menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif serta penjana peluang pekerjaan yang mapan bagi sektor swasta:

- Tanah Kerajaan di lokasi strategik akan dibangunkan secara usaha sama dengan sektor swasta dan GLC, yang juga akan mempelbagaikan hasil Kerajaan
- Duti import bagi simen dan keluaran besi keluli panjang bagi sektor pembinaan dan pembuatan akan dihapuskan, manakala *Approved Permit (AP)* bagi keluaran besi keluli panjang juga dikecualikan
- Pembelian hartanah komersil bernilai RM 500,000 atau lebih, untuk kegunaan sendiri, dibenarkan tanpa kelulusan FIC
- Dana tambahan sebanyak RM 200 juta akan disediakan bagi skim mikro kredit di bawah seliaan Bank Negara Malaysia
- Permit kerja akan terus diberi kepada *knowledge worker*
- Proses pengambilan profesional, pengiktirafan kelayakan asing serta pengeluaran visa di bawah program pelancongan kesihatan dan pendidikan dipermudahkan
- Syarikat GLC akan melaksanakan program *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* untuk melatih 12,000 graduan dalam tempoh 2 tahun
- Masa perniagaan pasar raya besar dan pusat membeli belah dilanjutkan

• Untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat dan mengekalkan permintaan dalam negeri:

- Potongan caruman pekerja KWSP boleh dikurangkan secara sukarela sebanyak 3% selama 2 tahun, mulai 1 Januari 2009
- Had kelayakan pinjaman kereta bagi penjawat awam ditingkatkan
- Pinjaman perumahan bagi penjawat awam untuk hartanah di pasaran sekunder di mana hak milik strata belum dikeluarkan boleh dibenarkan
- Tempoh bayaran balik pinjaman perumahan Kerajaan sedia ada dilanjutkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun

Langkah-langkah di atas merupakan pakej rangsangan yang komprehensif yang bukan sahaja disasarkan untuk menangani impak krisis kewangan global pada tahun 2009, malah meletakkan asas-asas yang kukuh bagi mengekalkan momentum pertumbuhan negara yang mapan demi mencapai objektif Misi Nasional dan Wawasan 2020.



LANGKAH-LANGKAH MEMPERKUKUHKAN DAYA TAHAN EKONOMI NEGARA

Sejak pembentangan Bajet 2009 pada 29 Ogos 2008, krisis kewangan global yang teretus di Amerika Syarikat dan Eropah kini semakin ketara dan telah memberi impak negatif kepada ekonomi negara di peringkat global, termasuk Malaysia. Perkembangan ini sudah pasti akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan antarabangsa pada tahun 2009.

Dengan mengambil kira persekitaran ekonomi global yang mencabar ini, Kerajaan telah mengambil langkah tindak balas polisi bagi menangani krisis kewangan global ini. Ke arah ini, dasar pengembangan fiskal dilakukan memandangkan Negara mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan projek serta program berimpak tinggi berikutan daripada penjimatan subsidi minyak akibat penurunan harga minyak di peringkat global. Melalui penjimatan yang dijangkakan ini, pelbagai inisiatif melibatkan suntikan peruntukan sebanyak RM 7 bilion akan dilaksanakan bagi memangkinkan aktiviti ekonomi dalam negeri serta merangsang aktiviti sektor swasta dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Projek dan program yang dilaksanakan ini adalah selari dengan lima teras Misi Nasional dan juga selaras dengan tiga strategi khusus Bajet 2009, dalam usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi Negara yang mapan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Pakej Rangsangan RM 7 bilion		
Lima teras Misi Nasional		
Strategi khusus Bajet 2009		
Menjamin Kesejahteraan Rakyat	Membangunkan Modal Insan Berkualiti	Memperkuatkan Daya Tahan Negara
Membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana (RM 1,200 juta) • SPNB (Rumah Mesra Rakyat) 6,500 unit • JPN, KPKT (Program Perumahan Rakyat) – 4,000 unit • PPRT KKLW (Bantuan Program Rumah) – 15,000 unit	Menubuhkan Dana Program Latihan Kemahiran (RM 300 juta)	Dana Pelaburan untuk menarik pelaburan swasta (RM 1,500 juta)

Menjamin Kesejahteraan Rakyat	Membangunkan Modal Insan Berkualiti	Memperkuatkan Daya Tahan Negara
Pelaksanaan projek perumahan terbelah oleh SPNB (RM 200 juta)	Membiayai program latihan kemahiran golongan belia di institusi latihan swasta (RM 200 juta)	Menaik taraf, membaik pulih dan menyenggara kemudahan awam seperti sekolah, hospital dan jalan raya (RM 500 juta)
Menyenggara dan memantapkan sistem pengangkutan awam di bandar utama (RM 500 juta)	Memperkasakan golongan belia melalui program baru seperti rakan muda sekolah & rakan muda sektoral (RM 100 juta)	Menaik taraf, membaik pulih dan menyenggara jalan luar bandar, jalan kampung dan pertanian (RM 500 juta)
Menambah premis perniagaan untuk usahawan kecil dan sederhana di bawah MARA (RM 100 juta)	Memantapkan program pendidikan awal seperti PERMATA, Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan dan kelas prasekolah (RM 200 juta)	Menaik taraf, membaik pulih dan menyenggara balai dan kuarters polis serta kem dan kuarters tentera (RM 500 juta)
Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) (RM 600 juta)	Bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, <i>mission schools</i> , SJK Cina dan SJK Tamil (RM 200 juta)	Menyegerakan pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (RM 400 juta)
RM 2,600 juta	RM 1,000 juta	RM 3,400 juta
RM 7,000 juta		

Selain pakej rangsangan RM 7 bilion, langkah-langkah berikut juga akan dilaksanakan:

- Untuk meningkatkan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan:
 - Projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan kandungan import yang rendah akan diutamakan
 - Pelaksanaan pendaftaran serta liputan penuh penerima bantuan kebajikan masyarakat berdasarkan tahap kelayakan baru akan dipercepatkan
 - Pengambilan kakitangan bagi jawatan yang kritikal dalam sektor awam secara kontrak akan dipercepatkan